



PROSEDUR PERMOHONAN HAKMILIK SAMBUNGAN/HILANG

LANGKAH 5

[PROSES DI PEJABAT TANAH, PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD (PNMB) SERTA PEJABAT UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA (JUPEM)]



PROSES PENWARTAAN




PENYEDIAAN PELAN



Borang permohonan yang diterima akan diproses dan akan dihantar ke Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) bagi proses penwartaan.

Apabila Warta telah diterima dari PNMB, permohonan akan dihantar ke Pejabat Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) pula bagi proses penyediaan pelan tanah yang akan diterima oleh Pejabat Tanah dalam bentuk CD

Setelah selesai proses penwartaan dan penyediaan pelan, proses pendaftaran Hakmilik/Geran akan dilakukan di Pejabat Tanah dan pemohon akan dimaklumkan melalui surat bagi mengambil hakmilik/geran berkenaan di Pejabat Tanah.



Sekilas Sejarah Pejabat Tanah Kemaman

Pejabat Tanah Kemaman merupakan Pejabat Tanah pertama diwujudkan di Negeri Terengganu iaitu pada tahun 1888 dengan lantikan Pegawai Daerah merangkap Pemungut Hasil Tanah Daerah Kemaman. Ini diikuti dengan Pejabat Tanah Marang pada tahun 1920, Pejabat Tanah Hulu Terengganu pada tahun 1922, Pejabat Tanah Kuala Terengganu pada tahun 1923, Pejabat Tanah Besut pada tahun 1927 dan Pejabat Tanah Dungun pada tahun 1929. Pejabat Tanah Setiu adalah yang terakhir sekali diwujudkan iaitu pada 1 Januari 1985 akibat pengubahan sempadan daerah-daerah Besut dan Kuala Terengganu.

Pada tahun 1984 jawatan Pemungut Hasil Tanah Daerah telah ditukar kepada Pentadbir Tanah Daerah yang kemudiannya dipinda menjadi jawatan Pentadbir Tanah selaras dengan pindaan Kanun Tanah Negara. Kesemua Pejabat Tanah telahpun berpindah ke Kompleks Pejabat Daerah dan Tanah baru yang lebih luas dan selesa bermula dengan Pejabat Tanah Kemaman pada 14 Jun 1982. Perpindahan ini diikuti oleh Pejabat Tanah Besut pada 25 Mac 1989, Pejabat Tanah Setiu pada tahun 1990, Pejabat Tanah Dungun pada tahun 1994, Pejabat Tanah Marang pada 1 September 1996, Pejabat Tanah Hulu Terengganu pada 1 Jun 1997 dan Pejabat Tanah Kuala Terengganu pada 1 Ogos 1998.

Disediakan oleh
BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
PEJABAT TANAH KEMAMAN



Prosedur URUSAN PERMOHONAN HAKMILIK SAMBUNGAN/HILANG



فجابه تانه، كمان، ترغكانو.

PEJABAT TANAH KEMAMAN

KOMPLEKS PEJABAT-PEJABAT KERAJAAN NEGERI
JALAN SENTOSA, 24000 KEMAMAN, TERENGGANU.

Telefon : 09-8591616/8591961/8591971 Faks : 09-8594401

Laman Web : <http://pdkkemaman.terengganu.gov.my>

E-mail : ptkemaman@terengganu.gov.my






PROSEDUR PERMOHONAN HAKMILIK SAMBUNGAN/HILANG


LANGKAH 1

Dapatkan Borang Permohonan Hakmilik Sambungan/Hilang berserta Borang Surat Akuan yang boleh diperolehi di Kaunter Pendaftaran Pejabat Tanah Kemaman



LANGKAH 2

Isikan Nama Pemohon (Pemilik Tanah), Alamat Terkini dan No. Telefon (Untuk Dihubungi) (sebagaimana contoh di bawah)




YUSOF BIN SAHAR
NO 3 KAMPUNG GELUGOR
KERTIH KEMAMAN 24300
TERANGGANGU
011-6879123



PROSEDUR PERMOHONAN HAKMILIK SAMBUNGAN/HILANG

Pada borang permohonan tersebut isikan juga No. Hakmilik Tanah, No. Lot Tanah dan Mukim Tanah (sebagaimana contoh di bawah)



Permohonan Hakmilik Sambungan (Geran Baru)
 Bagi Tanah : GM 1ab
 Lot : 1891
 Mukim : Kertih

LANGKAH 3

Isikan dengan lengkap Borang Surat Akuan (yang disertakan bersama Borang Permohonan) dan dapatkan Tandatangan Pesuruhjaya Sumpah samada di Pejabat Daerah atau swasta (sebagaimana contoh di sebelah)



PROSEDUR PERMOHONAN HAKMILIK SAMBUNGAN/HILANG

LANGKAH 4

Borang Permohonan serta Surat Akuan yang telah lengkap diisi hendaklah disertakan bersama salinan Kad Pengenalan (Kesemua Tuan Tanah Yang Terdapat Di Dalam Hakmilik/Geran Berkenaan) dan dibuat bayaran (sebanyak **RM 103.00** jika tuan tanah seorang dan tambahan sebanyak **RM 3.00** seorang sekiranya tuan tanah melebihi seorang) di Kaunter Hasil sebelum diserahkan di Kaunter Pendaftaran untuk proses seterusnya